

BERITA (/BERITA) » Nasional (/berita/nasional)

Rabu, 29 April 2020 | 6:19pm



MEF terima dakwaan ada operator pengeluar barang elektronik dilarang beroperasi tanpa sekatan oleh PBT. - Foto hiasan

PKP: 'MITI benarkan, PBT halang'

Oleh Luqman Arif Abdul Karim

luqman.arif@bh.com.my (mailto:luqman.arif@bh.com.my)

KUALA LUMPUR: Kelulusan untuk sektor ekonomi berfungsi sepenuhnya ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) masih berkuat kuasa, berdepan kepincangan berikutan dakwaan berlaku campur tangan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Mendedahkan perkara itu, Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Datuk Shamsuddin Bardan, berkata pihaknya menerima kira-kira 10 aduan dalam kalangan operator pengeluar barang elektronik yang dilarang oleh PBT untuk terus beroperasi tanpa sekatan masa, mulai hari ini.

Katanya, alasan yang diberi kepada operator adalah keputusan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) itu tidak terpakai selagi belum mendapat 'restu' PBT.

"Inilah yang dikatakan 'little Napoleon' atau kumpulan yang rasa mereka lebih berkuasa daripada pihak atasan, sekali gus merencatkan matlamat kerajaan untuk memacu kembali ekonomi negara.

"Kita harap masalah ini dapat dirungkai dengan segera bagi mengelak sebarang kerugian dan menyebabkan kepincangan dalam aspek operasi syarikat yang terbabit.

"Buat masa ini, operator berkaitan terpaksa akur dengan keputusan PBT itu kerana ingin menjaga hubungan baik dalam menjalankan perniagaan, namun kita minta kerajaan dapat lihat isu ini supaya tidak berpanjangan," katanya ketika dihubungi BH, hari ini.

Menteri Kanan, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, semalam dilaporkan berkata, kerajaan memutuskan semua sektor ekonomi yang mendapat kelulusan beroperasi ketika PKP boleh menjalankan aktiviti secara kapasiti penuh tanpa sekatan sebarang sekatan masa.

Bagaimanapun, kelonggaran itu tertakluk kepada kewajipan syarikat berkaitan untuk mematuhi syarat prosedur operasi standard (SOP) yang ditetap bagi sektor masing-masing.

Shamsuddin berkata, syarikat di sektor pembuatan elektronik mempunyai dandang yang harus dipanaskan, sekurang-kurangnya empat jam sebelum boleh beroperasi untuk menghasilkan produk berkaitan.

Sehubungan itu, katanya, kekangan masa mengikut garis panduan lama ketika PKP fasa ketiga iaitu operasi hanya dihadkan pada jam 8 pagi hingga 8 malam menjaskan kadar pengeluaran produk, selain berupaya mengundang kerosakan kepada alat digunakan.

"Mereka tidak boleh sewenang-wenangnya tutup dandang ini dan kembali menghidupkannya kerana ia akan merosakkan alat berkenaan, justeru operasi tanpa sekatan masa atau selama 24 jam tanpa henti sebenarnya amat diperlukan.

"Justeru, kerajaan memberi kelonggaran, tetapi perkara ini berdepan kepincangan kerana ada campur tangan yang tidak sepatutnya daripada pihak lain," katanya.

Selari perkembangan fasa pemulihan COVID-19, Shamsuddin turut menyuarakan harapan supaya industri yang berada di rantaian bawa sektor pengeluaran dan perkhidmatan berupaya diberikan kelonggaran secara berperingkat.

Beliau berkata kelonggaran sedemikian perlu bagi memastikan sektor ekonomi berupaya dihidupkan kembali tetapi tidak mengambil mudah soal penjagaan kesihatan, penjarakkan sosial dan risiko penularan jangkitan.

"Mungkin di peringkat awal, sektor ini boleh beroperasi menggunakan hanya satu pertiga daripada guna tenaga bagi menjaga aspek penjarakan sosial, sebelum mendapat kelonggaran seterusnya secara berperingkat," katanya.